

14 MAY 1997

MALAYSIA UCAP TAKZIAH KEPADA IRAN

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Malaysia mengucapkan takziah kepada Iran kerana banyak rakyatnya yang terkorban akibat gempa bumi baru-baru ini.

Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Dr Ali Akhbar Velayati berkata Malaysia turut bersimpati dan berdukacita dengan kesusahan yang dialami mangsa gempa bumi itu.

Menurut jumlah terkini sebanyak 1,560 rakyat Iran terbunuh dan 2,810 lagi cedera dalam bencana yang berlaku di timur Iran itu.

Abdullah berkata: "Malaysia berdoa rakyat Iran diberikan kekuatan dan keazaman dalam menjalankan tanggungjawab memberi bantuan kepada mereka yang terlibat dalam bencana itu."

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan menghantar bantuan kepada mangsa dan jumlahnya akan diputuskan pada mesyuarat kabinet hari ini. --BERNAMA

ARA AHA RON